



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

SARANAN UNTUK SARINGAN KESIHATAN BUAT PENUMPANG LRT DAN BAS

KUALA LUMPUR, 5 Jun – Rapid KL menyarankan para penumpang yang menggunakan perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya pada waktu puncak pagi dan petang 1 Jun; dan waktu puncak petang 3 Jun lepas untuk mendapatkan ujian saringan kesihatan ekoran pengakuan seorang penumpang bahawa beliau disahkan positif Covid-19.

Penumpang berkenaan, Nur Anis, yang disahkan positif pada lewat petang 3 Jun lepas, dalam mesej beliau kepada Unit Perkhidmatan Pelanggan Rapid KL, telah memaklumkan perkara berkenaan dengan memberikan butiran berikut tentang perjalanan beliau pada kedua-dua hari berkenaan.

Tarikh	Masa Perjalanan	Butiran
1/6/2021	10:10 pagi – Pergi Kerja dengan LRT	Stesen Universiti ke Stesen Abdullah Hukum
1/6/2021	5:23 petang – Balik Kerja dengan LRT	Stesen Abdullah Hukum ke Stesen Universiti
3/6/2021	9 pagi – Bas Rapid KL (No Plet WUW 4149) – Pergi Kerja dengan bas	Stesen University ke Midvalley
3/6/2021	5.15 petang – Balik Kerja dengan LRT	Stesen Abdullah Hukum ke Stesen Universiti

Dalam mesej beliau, Nur Anis, yang menyertakan paparan skrin MySejahtera untuk pengesahkan perjalanan beliau, turut memohon maaf atas segala kesulitan yang berbangkit.

Dalam kenyataannya, Rapid KL turut mengingatkan bahawa mereka yang sudah menjalani ujian saringan atau calit diingatkan supaya mengasingkan diri daripada orang lain sehingga mendapat keputusan mengesahkan anda negatif.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ketua Hal Ehwal Media Kumpulan Prasarana, Azhar Ghazali melalui whatsapp di nombor 019-3837865.